
MENULIS KEMBALI SEJARAH NEGARA

Lampiran 2

A Bakar Sulaiman

Lampiran 2

MENULIS KEMBALI SEJARAH NEGARA

A Bakar Sulaiman

1.0 Bahagian A: Pelajaran

Tujuan pelajaran ialah bagi generasi sekarang membekalkan generasi masa depan dengan segala pengetahuan dan kemahiran agar membolehkan mereka menghadapi masa depan mereka dengan selesa.

Kita semuanya berada didalam zaman pos-moden, yang mempunyai ciri ciri berikut:

1.1. Dunia moden

- 1.1.1. Jumlah manusia. Dunia moden penuh sesak dengan manusia.
- 1.1.2. Pengetahuan. Dunia mengandungi takungan pengetahuan yang luas lebih lagi dengan pengetahuan teknikal dan saintifik. Malah, dunia juga sering berbentuk teknikal, saintifik dan berteknologi tinggi.
- 1.1.3. Spesialisasi. Adalah tidak mungkin seseorang manusia mengetahui kesemua pengetahuan. Tidak juga mungkin ianya mahir dengan semua pengetahuan teknikal dan saintifik. Dia pasti memilih penghususannya atau spesialisasinya sendiri.
- 1.1.4. Persaingan. Dunia penuh persaingan, dari seorang individu dengan yang lain, satu masyarakat dengan masyarakat yang lain, satu negara dengan negara yang lain.
- 1.1.5. Pemikiran. Satu butir psikologi menyatakan fikiran mempengaruhi kelakuan dan tingkah laku. Justeru cara seseorang itu berfikir akan menentukan tingkahlakunya.
- 1.1.6. Fikiran rasional. Berfikir secara rasional bermaksud seseorang itu berfikir secara objektif, mampu menganalisis, kreatif, kritikal, dan dengan fikiran terbuka.
- 1.1.7. Kebenaran. Kebenaran itu relatif: apa yang benar kepada seseorang mungkin salah kepada yang lain.
- 1.1.8. Kebenaran sering berubah. Dalam dunia yang sering berubah, kebenaran pun sering berubah.

- 1.1.9. Pragmatisma: dunia bukan mutlak. Oleh itu adalah penting bagi seseorang itu bersifat pragmatis.

1.2. Dunia sebenar sekarang

Kefahaman dunia sejagat seperti berikut:-

- 1.2.1. Pertengahan universe manusia ialah semangat individunya.
- 1.2.2. Hanya satu sahaja bangsa manusia didunia ini, bernama Homo sapiens.
- 1.2.3. ‘Bangsa’ lain sebenarnya kelompok anthropologi, yang terbesarnya Caucasoid, Mongoloid, Negroid, dan orang asal Australia. Kelomok Dravidian muncul kemudia. Migrasi dan perkahwinan antara kaum menghasil kan jenis etnik dan kebudayaan yang berkembang keseluruh dunia. Islam adalah salah satu daripada agama dunia.

1.3. Pelajaran dan sejarah

Berdasarkan kepada butir faktor diatas cara yang bijak bagi generasi sekarang mendidik generasi yang muda adalah dengan membolehkannya berfikir secara teknikal, dan saintifik.

- 1.3.1. Ini diikuti dengannya memperolehi pengetahuan yang luas.
- 1.3.2. Oleh kerana ini individu sekarang pasti di ajar berfikir secara konsep dan intelek, dan memandang berat terhadap fakta, kebenaran dan kejituan. Sila lihat Appendix A sebagai huraian lanjut perkara ini.
- 1.3.3. Generasi muda perlu mempunyai toleransi sifar terhadap mitos, prejudis, penipuan, dan ketidakjituan.

Pengajaran sejarah yang sedia ada pasti jangan berccangah dari fakta, kebenaran dan kejituan, besar kemungkinan apa yang dipelajari penuntut akan menjadi kontroversial, perbalahan, rekaan, dan mungkin juga pembohongan.

Ini bermaksud kaum muda kita tidak mungkin berjaya dalam persaingan sengit sekiranya intelek mereka tidak di pupuk dengan sehat.

1.4. Teks buku sejarah yang ada sekarang

Saya berpendapat buku teks sejarah sekarang mengandungi perkara dibawah: -

- 1.4.1. Tuhan dipertengahan alam cekrawala.
- 1.4.2. Adalah banyak jenis bangsa.
- 1.4.3. Islam agama yang jauh melebihi segala agama lain dan bangsa Melayu yang terbaik sekali.
- 1.4.4. Islam dan bangsa Melayu diberi pengiraan tertinggi.

Oleh kerana ini, sejarah telah ditulis berdasarkan kepada pandangan subjektif, kepercayaan karut, tahyul, dan pembohongan.

Kebenaran telah tergadai, yang mungkin mengancam perkembangan intelek generasi akan datang.

2.0 Bahagian B: Sukatan pelajaran masa depan

Terdapat ruang lebar diantara tujuan sebenar pembelajaran sejarah dengan apa dilakukan sekarang. Ini menunjukkan sesuatu yang penting perlu di lakukan.

Saya bercadang supaya sejarah di intigrasikan dengan psikologi, filsafah, teologi, antropologi, palentologi, ilmu alam dan perkembangan sains moden seperti DNA.

Berikut ialah butir lanjut berkaitan dengan cadangan ini:

2.1. Psikologi manusia

Penuntut sepatutnya diajar satu usul psaiikologi yaitu pemikiran mempengaruhi tingkah laku dan sebaliknya tingkah laku mempengaruhi pemikiran. Perkembangan tamadun manusia pun serupa itu yang mana perkembangan manusia sejajar dengan perkembangan pemikirannya.

- 2.1.1. Pemikiran semula jadi. Ini adalah cara berfikir permulaan. Disini apa yang difikirkan adalah realitinya.
- 2.1.2. Pemikiran rasional. Disini apa yang difikirkan diberi pertimbangan terlebih dahulu dan minda mencari alternatif sebelum sampai kerealitinya.
- 2.1.3. Pemikiran saintifik. Disini segala pengetahuan pasti disokong oleh bukti yang nyata. Dalam pemikiran saintifik, segala kebenaran diterima oleh manusia sejagat.

2.2. Palentologi antropologi dan sejarah manusia zaman silam

- 2.2.1. Usul asal manusia. Sains berpendapat manusia berasal dari beruk (apes). Manusia terawal diberi nama hominids.

- 2.2.2. Pengetahuan moden telah membuktikan Homo sapiens ialah hominid terakhir sebelum sebagai manusia sekarang.
- 2.2.3. Migrasi manusia. Sejarah manusia penuh dengan migrasi. Homo sapiens tinggalkan Afrika untuk migrasi ke Asia Tengah Tenggara Asia, dan seterusnya ke Papua dan benua Australia.
- 2.2.4. Orang asal Malaysia keturunan dari migrasi pertama ini.
- 2.2.5. Migrasi manusia selanjutnya mara ke Asia Tengah, Eropah Barat, Timurlaut Asia dan terus ke Utara dan Selatan Amerika.
- 2.2.6. Mengeuasai alam semula jadi. Manusia terawal pemburu-pengutip. Mereka gunakan perkakas asas untuk hidup selamat. Penemuan dengan api dan penciptaan roda menyebabkan kehidupan yang lebih selesa lagi.
- 2.2.7. Penjinakan dan ternakan binatang liar. Penjinakan binatang liar (anjing, kambing, lembu) menolong mereka lagi.
- 2.2.8. Perladangan. Anggaran 13000 tahun dahulu mereka mula perladangan yaitu bermestautin di satu tempat dan menanam bijian seperti gandum.
- 2.2.9. Penetapan manusia awal. Wujudnya kawasan penetapan mendera manusia membentuk kawasan penetapan yang lebih tetap dan kekal. Jumlah manusia kian bertambah.
- 2.2.10. Wujudnya kelompok etnik awal: Negroid, Caucasian, Mongoloid, Australian aborigines.
- 2.2.11. Kelompok yang lain seperti Dravidian di selatan India dan Jawa dari pulau Jawa menjelma.
- 2.2.12. Perkembangan kebudayaan. Cara menghadapi setiap satu tamadun membentuk dan mengembangkan cara hidup masing masing, seperti cara memasak, interaksi sosial, cara melahirkan anak, perkahwinan, kematian, mula wujud.
- 2.2.13. Hegemoni kebudayaan. Keselamatan dan keamanan diutamakan. Setiap satu tamadun pasti mempertahankan penetapan mereka. Kebudayaan yang lebih kuat pasti cuba mengesuai yang lemah.

2.3. Teologi

- 2.3.1. Akidah. Sejak awal lagi manusia kagum dengan adanya kuasa ghaib, dan memanggilnya Tuhan. Tuhan menjaga keselamatan manusia daripada bencana alam dan mala petaka.
- 2.3.2. Amalan. Sebagai membuktikan akidah, manusia membuat amalan.
- 2.3.3. Terdapat beberapa bentuk agama. Amalan datang dengan beberapa cara, menurut kebudayaan dan kepercayaan penganut agama berkenaan.
- 2.3.4. Hampir semua agama mengajar manusia berbuat baik, dan mengelakan diri dari membuat kejahatan.
- 2.3.5. Peperangan diantara agama hasil dari puak pelampau atau ekstremis dari semua agama.

2.4. Sejarah politik

Bila mula bertemadun manusia membuat peraturan sosial (social organisation) supaya hidup lebih teratur dan terkawal. Sekiranya tidak, kacau bilaulah tamadun itu.

Terdapa beberapa cara atrau peraturan yang telah dicipta dan dilalui manusia: -

- 2.4.1. Tribalisma: yang mana kesemua perkatan ketua 'tribe' itu disifatkan sebagai undang-undang, dan mesti diikuti. Jarang sekali kata-kata ketua dilawani.
- 2.4.2. Feudalisma: tribalisma dengan jumlah manusia yang besar, dan 'ketua' nya mengandungi ramai pegawai kanan dan orang orang besar yang lain. Terdapat dua tahap penduduk: pehak pemerintah, dan pehak yang diperintah.
- 2.4.3. Autortarianism: authoritarianisme.
- 2.4.4. Teokrasi: yang mana ahli ulama atau paderi memerintah atas nama Tuhan dan agama.
- 2.4.5. 'Nation state', yang mana sesuatu negara itu menjadi satu negeri.
- 2.4.6. Negeri mempunyai sistem undang undang, mengutip cukai.
- 2.4.7. Kerajaan militer yang mana pehak jendral askar mengetuai kerajaan.

- 2.4.8. Kerajaan feodalis moden: yang mana sistem feodalis bercampur dengan demokrasi.
- 2.4.9. Komunisma: dimana semua kekayaan negara dan faktor pengeluaran dipunyai oleh negeri.
- 2.4.10. Demokrasi: kerajaan rakyat, kerana rakyat dan untuk rakyat.

2.5. Demokrasi

Diantara yang banyak diatas demokrasi jelas membuktikan kekokohnya selama ini. Ianya suatu system yang 'diakui' oleh kerajaan totalitarian seperti Korea Utara.

- 2.5.1. Semua rakyat mengambil peranan didalam pemerintahan negara.
- 2.5.2. Terdapat komunikasi dua haladalam membentuk undang undang atau dasar dasar umum.
- 2.5.3. Semua undang undang di luluskan di parliaman oleh wakil rakyat am.
- 2.5.4. Menurut prosedur. Wakil rakyat dilantik setelah diundi di pilihan raya. Pilihan raya pasti dijalankan dengan menurut syarat yang tertentu.
- 2.5.5. Peraturan undang undang. Ini penting didalam sesuatu demokrasi. Ianya dibentuk, digubal dan dan dilaksanakan dengan prosedur dan praturan yang sedia ada.
- 2.5.6. Ketelusan dan tanggungjawab dari pihak pemerintah.
- 2.5.7. Trias politica: 'check and balance' tiga penjuru: majlis undangan, eksekutif, badan kehakiman.
- 2.5.8. Hak asasi manusia. Setiap manusia berhak bebas bertutur dan mencari kebahagiaan masing masing.

2.6. Sejarah dunia moden

Sejarah dunia moden mengandungi:-

- 2.6.1. Revolusi sains
- 2.6.2. Perdangan antarabangsa
- 2.6.3. Pengebaraan
- 2.6.4. Revolusi Industri

- 2.6.5. Peperangan agama
- 2.6.6. Penemuan Amerika
- 2.6.7. Imperialisma dan penjajahan
- 2.6.8. Syarikat senderian berhad, system perkilangan
- 2.6.9. Membina injin wap atau stim, pembakaran dalaman (internal combustion)
- 2.6.10. Pengurusan moden: pengeluaran massa, assembly line
- 2.6.11. Letupan pengetahuan (fisiks moden, ekonomi, psaiologi). Sistem rekreasi baru.
- 2.6.12. Tindisan agama
- 2.6.13. Perang Dunia I
- 2.6.14. Perang Dunia II
- 2.6.15. Globalisasi

3.0 Bahagian C: Sukatan Pelajaran Sejarah di Malaysia

Sukatan Pelajaran yang berintegrasi diatas akan di kemaskan menurut keperluan dan konteks Malaysia

3.1. Sejarah zaman silam

- 3.1.1. Homo sapiens meninggalkan Afrika guna migrasi ke merata dunia.
- 3.1.2. Tamadun Asia. Perkembangan jumlah manusia di India, Jawa, dan China.
- 3.1.3. Manusia dari ketiga pelusok ini migrasi keseluruh semenanjung Malaya: Dravidian dari India, Jawa dari Jawa dan dari kepulauan Indonesia yang lain, dan orang Cina dari China.
- 3.1.4. Perdagangan antarabangsa yang hebat dan Melaka menjadi pusat perniagaan penting.
- 3.1.5. Peniaga dan migrant lain membawa dengan mereka agama masing-masing: Hindu dan Buddha dari India, Konfucianism Taoism dari China.
- 3.1.6. Temadun Srivijaya membawa agama Buddha, Majapahit Hindu.
- 3.1.7. Kemudiannya pedagang India (Gujerat) membawa masuk Islam.
- 3.1.8. Kota Melaka berjaya menarik pedagang Arab dan Eropah. Yang paertama dari Portugal, diikuti oleh Belanda, Perancis and British.

3.2. Sejarah dunia moden

- 3.2.1. Penguasaan alam semua jadi. Di Europah perkembangan sains dan penemuan undang-undang Sains telah membolehkan manusia menguasai alam semula jadi. Ini digunakan untuk membentuk dan mencipta perkakas dan alat (tools) yang baru.
- 3.2.2. Alat dan perkakas baru membawa perubahan kepada cara manusia menjalankan dan membangunkan ekonomi. 'Combined harvester' merevolusikan perladangan, 'spinning jenny' merevolusikan tekstil, teleskop atau teropong membolehkan melihat bintang bintang dengan lebih jauh dan mikroskop melihat lebih mendalam ke dunia halus seperti sel dan atom. Kesemua ini membawa perubahan kepada pemikiran manusia.
- 3.2.3. Perkembangan ekonomi. Sistem perkilangan, dibantu oleh teknik pengeluaran massa menyebabkan penggunaan bahan mentah yang lebih efisien.

- 3.2.4. Perkembangan pengetahuan. Perkembangan pengetahuan sains menyebabkan perkembangan manusia.
- 3.2.5. Pengetahuan lama seperti filsafah, fizik, pembaberkembang.
- 3.2.6. Pengetahuan baru seperti ekonomi, psikologi, sosiologi, diperkenalkan.
- 3.2.7. Hegemoni politik. Negara maju dari barat bersaing diantara mereka atas sebab sebab tertentu, mungkin untuk mengembangkan kebudayaan masing masing.
- 3.2.8. Penjajahan. Penjajahan berasal dari mencari jalan yang tenang ketempat bahan mentah, untuk membeli bahan bahan tersebut dengan harga murah, dan menjual barang perusahaan dengan harga mahal.

3.3. Sejarah Malaysia moden

- 3.3.1. Orang British sampai ke Pulau Pinang sebagai pusat berniaga. Mereka dijemput oleh sultan Kedah untuk menahan diri dari ancaman raja Thailand.
- 3.3.2. Dibawah penjajahan British semenanjung menjadi pusat perniagaan antara bangsa.
- 3.3.3. Pewujutan kerajaan beraja Johor, Terengganu, dan negeri negeri lain.
- 3.3.4. Federated dan Unfederated Malay States, dan British Straits Settlements di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.
- 3.3.5. Bijih dijumpai, menarik pelombong dari Britain dan China.
- 3.3.6. Getah ditanam di kawasan estet dan kawasan pekebun kecil.
- 3.3.7. Mereka membina infrastruktur ekonomi, seperti jalan, jambatan, hospital.
- 3.3.8. Sistem keretapi dibentuk dengan menggunakan tenaga buruh dari Sri Lanka.
- 3.3.9. Pekerja ladang getah dibawa masuk dari India.
- 3.3.10. Kerajaan colonial membawa masuk kuasa elektrik, telekomunikasi, kedalam negeri.
- 3.3.11. Pelajaran. Kaum mubaligh Kristian membawa masuk pelajaran sekular.

3.3.12. Mereka juga membawa masuk agam Kristian

3.3.13. Guru professional pelajaran, doktor, dan askar dibawa masuk dari India demi menguruskan perkembangan perkhidmatan dan keselamatan negara.

3.3.1. Negeri Beraja

3.3.2. Undang-undang Roman diperkenalkan.

Kerajaan kolonial memperkenalkan negara baru asas asas ekonomi, politik, undang undang dan intelektual.

3.4. Lahirnya satu Negara

Pada akhir akhir kurun sembilan belas ekonomi negara mara berkembang. Timbul sekelompok usahawan negara terlebih lagi dari golongan Cina. Gulungan profesional dari India pula membentuk satu kelompok lain. Orang melayu kekal sebagai penanam dan peladang dan orang orang kayanya kekal dalam tahap mereka.

Namun mereka membentuk identiti nasional bertujuan untuk menentang kerajaan penjajah.

Perasaan ini berkembang selapas Perang Dunia II masuknya Komunisma, Orang Jepun, dan kekalahan askar British ditangan orang Jepun.

Orang British, Melayu, cina, India, Serani, dan banyak lagi kelompok bersatu untuk menentang musuh iaitu Kominis dan orang jepun.

3.5. Kemerdekaan

3.5.3. Rakyat berjaya mendapatkan kemerdekaan dari British dan membentuk perlembagaan

3.5.4. Negara demokratik dan mempertahankan ciri-ciri demokrasi.

3.5.5. Perintah undang undang atau rule of law.

3.5.6. Hak asasi dihormati denga penuh. Perinsip 'jus soli' atau manusia berhak menjadi rakyat negara ianya dilahirkan.

3.5.7. Keluarga diraja. Sistem demokrasi model Westminster dikekalkan.

3.5.8. Hak istimewa orang Melayu. Ini diberi kepada orang Melayu untuk membolehkan mereka mampu menyesuaikan diri dengan tempo dunia baru.

3.5.9. Sekular. Negara ini sekular, dan Islam dianggap sebagai agama utama.

3.5.10. Kebebasan untuk beribadat.

4.0 Bahagian D: Kesimpulan

Pihak berkuasa mungkin tidak bersetuju terhadap cadangan a buku teks sejarah di tulis semula. Akan tetapi cadangan ini mengandungi tiga factor penting:-

- 4.1. Ianya saintifik, objektif, dan universal.
- 4.2. Ia mengelakkan dari menggunakan perkataan yang menyayat emosi seperti 'bangsa' dan 'pendatang'.
- 4.3. Ia juga jauh dari semangat ekstremis agama.

Annex 1

5.0 PELAJARAN DAN KETULUSAN INTELEK

AB Sulaiman

5.1. PELAJARAN

Tujuan pelajaran ialah bagi generasi tua supaya melatih dan memupok generasi muda dengan pengetahuan dan kemahiran demi menyediakan mereka menghadapi masa depan mereka sendiri. Terdapat tiga jenis pengetahuan dan kemahiran:

- 5.1.1. Kemahiran antara persaorangan demi interaksi sosial dan integrasi masyarakat.
- 5.1.2. Kemahiran teknikal: kebolehan dan kemahiran praktikal dan mekanikal. Misalan: memburu, menangkap ikan, memungut hasil.
- 5.1.3. Semangat profesionalisma: Perasaan bangga dan setia terhadap profesion sendiri, dengan seseorang itu menjalankan tugasnya dengan penuh tanggung jawab, dengan sebaik-baik kemampuan dan dengan kebolehan teknikal. Misalan: pelukis bertujuan untuk menjadi seorang pelukis ternama, jurugambar seorang jurugambar yang ternama.

Ini kerana pemikiran mempengaruhi kelakuan dan tingkah laku. Pelajaran membolehkan generasi yang kan datang menghadapi tekanan hidup dengan lebih selesa kerana mempunyai kemahiran antara persaorangan, berfikir secara teknikal, dan menjalankan tugas dengan secara profesional.

5.2. PEMIKIRAN

- 5.2.1. Pemikiran ialah suatu proses bermula sebagai satu cetusan fikiran dan menjadi nyata dalam bentuk perkataan. Terdapat tiga jenis pemikiran: -

5.2.1.1. Pemikiran semula jadi atau tradisional yang mana pemikiran ialah kenyataan. Di sini kebenaran diterima tanpa sebarang was-was atau syak wasangka. Misalan: Penerimaan tradisi, kelaziman, ungkapan, spekulasi, tuntutan sepihak.

5.2.1.2. Pemikiran rasional. Di sini, sebarang kebenaran diberi analisis kritikal dan mencari alternatif lain sebelum diterima. Sebagai misalan: yang buruk pada seseorang yang baik kepada yang lain. Yang benar kepada seseorang adalah salah kepada yang lain.

5.2.1.3. Pemikiran saintifik ('scientific method' atau cara saintifik): sentiasa tepat dan betul. Toleransi sifar bagi ketiadaan ketepatan, kesalahan, bagi apa sahaja yang tidak jitu.

5.2.2. Pemikiran rasional tidak terima sebarang kebenaran dari generasi tua sewenang wenangnya sebelum terlebih dahulu memeriksanya dengan cara kritikal. Pemikiran rasional berfikir secara konsep dan intelek.

5.2.2.1. Membezakan fakta dan pertimbangan nilai (value judgment).

5.2.2.2. Ia sering mencari alternatif sebagai dikotomi bandingan, ukuran, pendapat kedua.

5.3. PENGETAHUAN

Pengetahuan bukannya monistik. Ianya boleh dibahagikan kedua bahagian:-

5.3.1. Pengetahuan belum pasti: yang mana kebenaran masih belum pasti lagi menurut rasionaliti manusia. Misalan: "Bidadari wujud dan mempunyai sepasang kepak."

5.3.2. Kebenaran pasti: kebenaran mendapat kepastian. Misalan: "Lembu mempunyai empat kaki."

5.4. KEBENARAN

Kebenaran juga tidak monistik, dan boleh dibahagikan kedua jenis:

- 5.4.1. Kebenaran universal: yang mana idea atau barang diterima sebagai benar oleh manusia sejagat. Misalan: ayam bertelur. Pokok mengeluarkan buah. Matahari naik di timur.
- 5.4.2. kebenaran budaya: kebenaran jenis ini diterima hanya oleh sebahagian masyarakat sahaja.

5.5. PILIH ATUR (PERMUTASI)

5.5.1. Fikiran manusia mudah dipilih atur:

- a) Pengetahuan pasti + kebenaran universal = fakta dan kejituan, kepastian, ketulusan intelek. Ianya dapat diramalkan, boleh dipalsukan, pragmatik, dan fleksibel. Misalan: Undang-undang sains.
- b) Pengetahuan belum pasti + kebenaran budaya = petua-petua mitos, ungkapan, prejudis, penipuan. E.g spekulasi, prejudis, mitos, misteri. Misalan: kepercayaan dunia akhirat, hantu.

5.5.2. Hasil dari pilih atur atur permutasi ini seperti berikut: -

- a) Oleh sebab pemikiran mudah dibentuk, caranya memahami pengetahuan dan kebenaran juga mudah menjadi subjektif, dan terpulang kepada cara seseorang individu itu diasuh dan dididik sewaktu membesar.
- b) Besar kemungkinan wujudnya kekeliruan, kontradiksi, percanggahan, konflik.
- c) Bila pembohongan sering diulangi, ianya menjadi kebenaran. Seseorang itu pasti mempertahankan versi pengetahuan dan kebenarannya tersendiri, terutama sekali kebenaran kebudayaan yang diterimanya.
- d) Pengetahuan pasti dan kebenaran universal menuju kepada fikiran terbuka.
- e) Pengetahuan tidak pasti dan kebenaran budaya mengarah kepada ethnosentrisme, konformiti, dan fikiran tertutup.

5.6. DUNIA SEBENAR

Dunia sekarang mengandungi empat factor berikut:

- a) Teknikal
- b) 'Cause and effect' atau sebab menyebab.
- c) Sainifik
- d) Berteknologi: Tamadun manusia mara ke hadapan, membangun dan berkembang diatas kombinasi pengetahuan pasti dan kebenaran universal. Ianya berdasarkan daripada kebijaksanaan rasional manusia dan pada pengetahuan teknikal dan saintifik.

5.7. PERKEMBANGAN TAMADUN MANUSIA

Perkembangan tamadun manusia berdasarkan prinsip cabar dan balasan atau 'challenge and response' (Toynbee) dan kewujudan mereka yang paling cergas atau 'survival of the fittest' (Darwin).

Tamadun manusia terkemudian (misalan: Rom, Arab, Inggeris) berkembang menerusi: -

- a) Materialisma: Pertanian, pembuatan, perdagangan dan aktiviti ekonomi lain.
- b) Sekularisma: Rekaan dan ciptaan perkakas untuk meninggikan produktiviti ekonomi.
- c) Intelektualisma: Perkembangan pemikiran, rancangan, pandangan jangka panjang demi memajukan (a) dan (b).

5.8. DUNIA POST-MODEN

Sebahagian ciri-ciri dunia moden adalah seperti berikut:

- a. Jumlah penduduk yang tinggi
- b. Urbanisasi
- c. Komunikasi segera dan perjalanan laju.
- d. Tanaman besar-besaran.
- e. Mekanisasi.
- f. Perniagaan dunia.
- g. Ekonomi wang.

- h. Teknologi canggih.
- i. K-ekonomi.
- j. Persaingan: hegemoni politik, ekonomi, kebudayaan, sukan dan rekreasi, ketenteraan, ideologi.
- k. Kebebasan semangat kemanusiaan: hak asasi manusia, wanita berhak mengundi.

Kesemua ini bermaksud manusia tidak bijak hidup bersaorangan atau bersendirian. Mereka patut dan wajar berinteraksi diantara satu dengan lain. Prinsip 'survival of the fittest' dan 'challenge and response' mengandungi makna yang lebih mendalam. Rakyat Malaysia wajib berintegrasi dengan rakyat dunia sejagat.

5.9. PERUBAHAN

Perubahan ada dua jenis: transisi atau transformasi. Betapa pun ianya satu konstan dan mantap, ianya berlaku setiap detik setiap hari. Air mengalir dalam sungai pun berubah.

Namun begitu seseorang itu dapat berubah hanya sekiranya dia sedar bahawa perubahan itu berlaku.

Tanpa kesedaran tersebut maka terdapat satu penyatuan dulu dan sekarang, malam dan siang, Tiada perbezaan di antara mereka, malah disifatkan sebagai fenomena biasa dan semula jadi.

Orang yang sebegini tidak dapat menerima perubahan.

5.10. MENGAJAR SEJARAH DI ZAMAN POST MODEN.

Kita pasti mengajar generasi muda segala ciri-ciri dunia moden seperti (5.6),(5.7), dan (5.8) di atas. Ini demi membuatkan mereka sedar dengan perubahan (5.9) dan bersedia menghadapinya.

- 5.10.1. Pengajaran Sejarah sepatutnya jangan bercanggah dengan prinsip dan garisan pelajaran: kebolehan interaktif, kebolehan teknikal, dan profesionlisma apakala menjalankan tugas.
- 5.10.2. Penuntut pasti diajar dengan pengetahuan pasti dan kebenaran universal demi mengurangkan atau mengelakkan pemikiran subjektif, kekeliruan dan kontradiksi.
- 5.10.3. Mereka pasti memupuk kebolehan pemikiran rasional, intelektual, dan cuba mempunyai kejujuran intelek dan integriti.

Wajib bagi kita sebagai generasi sekarang mengajar pihak generasi muda kebenaran intelek dan integriti demi membolehkan mereka menghadapi perubahan di masa hadapan.

5.11. SEKIRANYA KITA TIDAK MEMBUAT SESUATU

‘Kita kesemuanya dilahirkan jahil, bukannya bodoh. Pelajaran yang membuatkan kita bodoh’. (Bertrand Russell).

Justeru sekiranya kita lalai mengajar penuntut kita dengan yang betul dari segi intelek, mereka akan mempelajari (‘learn’) benda yang salah. Mereka terpaksa buang apa yang telah dipelajari (‘unlearn’) dan kemudiannya mempelajari sekali lagi (‘relearn’) apa yang sebenarnya.

- 5.11.1. Mereka pasti memupuk kebolehan pemikiran rasional, intelektual, dan cuba mempunyai kejujuran intelek dan integriti.
- 5.11.2. Kita mengajar mereka intelek yang tidak jujur.
- 5.11.3. Mereka mungkin mempunyai profesionalisma yang cetek.
- 5.11.4. Ini pasti satu pembaziran bakat dan sumber manusia.

-
- 5.11.5. Sekiranya mereka tidak berpeluang untuk membuang apa yang dipelajari dan mempelajari sekali lagi apa yang benar, mereka mungkin tersadai dengan mitos, prejudis, pembohongan.
- 5.11.6. Mereka tak mungkin berubah dengan perjalanan masa.
- 5.11.7. Mereka mungkin mempunyai penyakit psikologi ataupun perasaan tidak yakin lain.
- 5.11.8. Kemerosotan tahap kompetitif Malaysia mungkin berleluasa.
- 5.11.9. Kesimpulannya:
- a) Bagi generasi kita mengajar generasi muda supaya menjadi bodoh adalah suatu perkara yang tidak bertanggungjawab.
 - b) Terdapat banyak index sosial, ekonomi, dan politik yang negatif di negara kita sekarang.